



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 Pulau Pinang

Telefon : 04-657 5500
Faks : 04-658 2500
Laman Web : <http://jpnpp.moe.gov.my>

Ruj Kami : JPNPP.600-1/1/6 JLD3 (60)

Tarikh : 27 Februari 2023

Ketua Pegawai Eksekutif

Akademi J&W Sdn. Bhd.
1st Floor, 51-53A, Jalan SS25/2
Taman Bukit Emas, Petaling Jaya
47301 Selangor

Tuan,

KELULUSAN BERSYARAT MENGANJURKAN PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP) "KURSUS KAUNSELING UNIVERSITI DAN PEKERJAAN" OLEH AKADEMI J&W BAGI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat tuan bertarikh **13 Februari 2023**.

2. Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang **tiada halangan** bagi memberi kelulusan kepada permohonan pihak tuan untuk menjalankan program tersebut. **Kelulusan ini adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 9/2004 – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi selain daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.**

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan perlu mengadakan perbincangan dengan Pengetua/ Guru Besar sekolah yang terlibat untuk mendapatkan pandangan dan kaedah pelaksanaan terbaik di samping mematuhi syarat-syarat berikut :

- 3.1 **Semua murid dan guru terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada Pengetua / Guru Besar sekolah yang berkenaan bagi menyertai program ini.**
- 3.2 **Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga bagi murid yang menyertai program tersebut.**
- 3.3 **Sila kemukakan surat ini apabila berurusan dengan pihak sekolah.**
- 3.4 **Sebarang program atau aktiviti mestilah tidak terlibat atau menyentuh isu-isu sensitiviti politik, agama dan perkauman.**
- 3.5 **Pihak penganjur hendaklah menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti berkenaan.**

KELULUSAN BERSYARAT MENGANJURKAN PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP) "KURSUS KAUNSELING UNIVERSITI DAN PEKERJAAN" OLEH AKADEMI J&W BAGI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2023

- 3.6 Pihak sekolah tidak boleh dipaksa untuk menerima program yang ditawarkan oleh pihak tuan.
- 3.7 Program hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) / program / aktiviti sekolah; serta dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu minggu kedua dan keempat sahaja.
- 3.8 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah yang terlibat. (SPiBiL.5/2018)
- 3.9 Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang berhak menarik balik surat kelulusan / kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa serta tidak mematuhi garis panduan KPM, MKN dan KKM.

4. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan luput pada **31 Disember 2023**. Sebarang pertanyaan sila hubungi En. Muhamad Nasir bin Ali di talian 04-6521035, Penolong Pengarah Unit Hal Ehwal Murid (Kaunseling), Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PULAU PINANG PENERAJU TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD SAID BIN IBRAHIM)

Timbalan Pengarah Pendidikan

Sektor Pembangunan Murid

b.p Pengarah Pendidikan Negeri Pulau Pinang

No. Tel. : 04-6521047

E-mel : hem@jpnpp.edu.my